

Penulis Arab sanjung Dr. M

MM-17/10/2004: 14 perdana

Oleh ASTORA JABAT

JARANG ada pemimpin negara berkekalan populariti selepas tidak berkuasa. Kebanyakan mereka biasanya apabila habis kuasa akan hilang dan dilupakan atau sekurang-kurangnya lunturlah popularitinya.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad nampaknya terkeluar daripada tradisi itu. Kelebihan ini turut berlaku di negara Arab. Malah populariti Dr. Mahathir di negara Arab agak luar biasa kerana ia lebih kuat berbanding pada masa lalu. Penulis meneliti berita dan rencana terbaru mengenai Dr. Mahathir yang disiarkan dalam beberapa akhbar dan majalah Mesir, amat mengejutkan kerana sampai ke peringkat menganggap beliau daripada keturunan Arab dan pernah menuntut di Al-Azhar.

Memang menjadi perangai orang Arab bila suka kepada seseorang mereka akan menganggap orang itu berasal daripada mereka dan itulah yang menyebabkan mereka menganggap Shakespeare sebagai Syeikh Zubeir.

Penulis tidak berhasrat untuk menyebut panjang lebar tentang apa yang ditulis oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah Mesir mengenai Dr. Mahathir, tetapi memadai menyebut tajuk beberapa rencana yang disiarkan dalam akhbar al-Ahram serta sedikit petikannya.

Sebagai contoh dalam rencana yang ditulis oleh Dr. Ali Fadhil Hassan di bawah tajuk Testimoni Benar, Mahathir Kasihan Belas Kau yang disiarkan pada 4 Oktober lalu ada menyatakan bahawa jika penyair agung Mesir Ahmad Shauki yang dianggap sebagai Raja Segala Penyair itu masih hidup nescaya dia mesti menulis syair yang pernah ditulis untuk nyanyian Ummu Kalthum dan Mohammad Abdul Wahab pada tahun 30-an. Tajuk lagu pula akan menjadi Mahathir Kasihan Belas Kau.

Dr. Ali berkata, Dr. Mahathir adalah pemimpin Muslim masa kini yang melaksanakan kandungan Islam dengan cara yang amat bijaksana, menganggap kerja sebagai ibadat dan berdosa jika tidak berusaha mencari rezeki seperti yang dituntut oleh Rasulullah s.a.w.

Beliau juga bersetuju dengan cadangan untuk 'menyewa' Dr. Mahathir sebagai pakar ekonomi, tetapi pada waktu yang sama beliau berkata ada pihak menganggap perbuatan itu boleh menimbulkan kemarahan pihak yang menentang kemajuan.

Gamal el-Shair dalam rencana Mahathir Rahsia Permainan yang disiarkan dalam akhbar yang sama pada 21 September lalu berkata, Dr. Mahathir telah mengubah kemarahan kepada strategi dan program kerja. Maksud di sini ialah jika bangsa Arab marah kepada Yahudi yang menjajah Palestin dan marah kepada Barat yang berpihak kepada Yahudi, tetapi Dr. Mahathir yang turut ada perasaan marah itu merancang bermacam-macam strategi dan program kerja untuk membangun negara dan ummah.

El-Shari berkata, yang lucunya Dr. Mahathir yang banyak jasa kepada agama, bangsa dan negara dicap oleh Pas sebagai munafik dan akan masuk neraka.

Ikbal Baraka dalam rencana Sehingga Tidak Lupakan Lelaki Setiap Zaman? disiarkan dalam al-Ahram 8 September lalu berkata, dewan besar Perpustakaan Iskandariah penuh sesak dengan hadirin yang datang dari setiap pelosok Mesir untuk mendengar ceramah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir yang disanjung di seluruh dunia itu memberi perhatian besar kepada agama Islam dan dunia Islam dan beliau berkata umat Muslim boleh menjadi salah satu kuasa besar dunia jika mereka bersatu dan tahu menggunakan kejayaan yang ada pada mereka.

Itulah contoh tiga rencana daripada 168 rencana yang terdapat dalam pangkalan data al-Ahram.

Selain itu kini semakin ramai juga yang menulis tentang pemikiran Islam Dr. Mahathir, sama di dalam negeri mahupun di luar negara. Terbaru sekali bekas Setiausaha Politik bekas Perdana Menteri itu, Datuk Dusuki Ahmad melalui buku Pembaharuan Pemikiran Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Penulis ingin menyebut beberapa idea menarik Dr. Mahathir berhubung Islam dan umatnya terkandung dalam buku Dusuki itu seperti fundamental Islam, perkara-perkara mungkar dan makruf, kebaikan dan kebenaran Islam dan pentafsiran semula ajaran Islam.

Mengenai fundamental Islam, Dusuki menulis, Dr. Mahathir menggariskan beberapa syarat yang dapat memberikan ruang kepada umat Islam bagi maksud pencapaian kejayaan. Antara lain ialah gesaan beliau supaya kembali kepada fundamental ajaran Islam yang sebenar yang bukan saja bertolak di atas iman dan takwa, tetapi bermula dengan pelajaran berasaskan kepada suruhan membaca (iqra). Perkara yang hendak dibaca itu ialah kejadian alam ini (khalaaq) bermula dengan kejadian manusia itu sendiri (al-`alaq).

Beliau menerima Islam sebagai sumber kekuatan perjuangan untuk bangsa dan negara. Beliau sentiasa menyeru supaya umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar yang tegak di atas kekuatan pelajaran dan pengukuhan ekonomi yang bermatlamatkan kepada keselesaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat, kata Dusuki.

Menurutnya, Dr. Mahathir pernah berkata: "Umat Islam yang berjaya ialah yang berpegang kuat kepada agama Islam dan nilai-nilai murninya, berdisiplin dan sedar bahawa Tuhan hanya akan menolong mereka yang berusaha dan mampu menguasai ilmu-ilmu yang boleh membangunkan mereka. Umat Islam yang berjaya akan mengunci keretanya sebelum menyerah kepada perlindungan Allah."

Melalui pelajaranlah umat Islam akan dapat menyediakan segala-galanya termasuk senjata moden dan terkini bagi maksud mengawal agama, diri sendiri, maruah, harta dan keturunan yang dianggap sebagai daruriyat lima yang dituntut menjaga dan memeliharanya.

Bagi Dr. Mahathir jelas Dusuki, pelaksanaan syariah (tatbiq asy-syariah) bukan bererti semata-mata menjalankan hudud, tetapi yang pentingnya ialah menjawab segala cabaran Allah yang menghendaki supaya menghapuskan kejahatan dan melenyapkan kemiskinan dan tidak membiarkan generasi muda hidup tersisih dan terpercail daripada arus perdana.

Pemerintah adalah dianggap sebagai pendusta agama sekiranya perkara-perkara tersebut tidak diperangi dan tidak dicabut akar umbinya.

Dusuki menceritakan tentang pertemuan Dr. Mahathir dengan ulama besar Arab, Dr. Mahmood Kiptaru dari Syria dan Dr. Zaki Badawi, Pengetua Kolej Islam London.

Kata Dr. Mahathir: ``Kita dapat mencapai kejayaan sekiranya kita berpegang kepada asas ajaran al-Quran dan sunah seperti suruhan membaca (iqra), iaitu menuntut ilmu, mengukuhkan persaudaraan sesama Islam, berusaha mengubah nasib diri sendiri selain daripada memohon pertolongan Allah dan membuat persediaan untuk menggerunkan musuh dan mempertahankan umat dan banyak lagi. Dengan berpegang kepada asas-asas ini kita tidak akan berpuak-puak dan bersengketa sesama kita, tetapi kita tetap akan menjadi umat yang satu yang dapat mempertahankan agama Islam dan umatnya.

``Dr. Mahathir mahu supaya umat Islam memperbetulkan diri mereka dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar demi menyelamatkan diri mereka. Katanya ``Tidak ada gunanya mengutuk dan mendesak musuh Islam supaya tidak menindas orang Islam dan berperikemanusiaan kepada umat Islam. Jika kita begitu sukar untuk menukar sikap kita bagi maksud kebaikan diri sendiri, apakah dapat kita menukar sikap orang lain dan sikap musuh kita supaya kita mendapat manfaat daripadanya?"

Menerima hakikat

Berhubung idea Dr. Mahathir mengenai perkara mungkar dan makruf, Dusuki menulis, dalam usaha untuk menghapuskan perkara-perkara mungkar, Dr. Mahathir menerima hakikat ajaran Allah dan panduan daripada ulama-ulama yang muftakar dan pemimpin Islam terkemuka. Mereka berpendapat bahawa penghapusan tersebut adalah menjadi tanggungjawab semua Muslim menurut kemampuan yang ada padanya dan penghapusan mungkar itu pula tidak mendatangkan kemungkaran yang lebih besar, juga tidak menghakiskan kebaikan (makruf) yang sudah ada.

Dr. Mahathir sebagai pemimpin utama negara dapat melihat perkara baik dan perkara mungkar yang berada di hadapannya. Sudah tentu beliau ingin berusaha untuk memperbanyakkan perkara-perkara baik dan mengurangkan - jika pun tidak dapat menghapuskan perkara-perkara mungkar itu. Tetapi pelaksanaan secara bijaksana ialah melihat keutamaan dan kepentingan, supaya tidak berlaku seperti apa yang dikatakan oleh pepatah Melayu yang dikejar tidak dapat dan yang dikendong pula berciciran.

Sekarang ini kita berhadapan dengan kemajuan teknologi maklumat yang amat pantas. Dunia sudah menjadi sebuah perkampungan yang tidak bersempadan.

Sama ada kita suka atau tidak suka berbagai-bagai budaya asing dapat memasukinya dengan mudah. Tidak ada sesiapa yang mampu menutup langit yang berada di atas bumi Malaysia ini daripada dicerobohi oleh budaya tersebut.

Suasana yang ada ini bukanlah bererti memaksa kita menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

Tetapi pelaksanaan ke arah menyebarkan dan memperkukuhkan perkara-perkara baik (makruf) dan menghapuskan perkara mungkar hendaklah dengan penuh bijaksana dan perhitungan yang betul bagi mengelakkan daripada timbulnya kemungkaran yang lebih besar dan menghapuskan kebaikan yang sudah ada.

Seterusnya Dusuki menulis, Dr. Mahathir ada menceritakan dalam suatu ucapannya, "Pernah berlaku seorang tawanan perang hendak dibunuh oleh pejuang-pejuang Islam. Tawanan itu telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mendengar lafaz itu Nabi melarang sahabatnya membunuh tawanan tersebut. Sahabat itu membantah kerana katanya lafaz itu diucapkan secara tidak ikhlas dan hanya helah untuk menyelamatkan diri daripada dibunuh. Namun demikian baginda masih tidak mengizinkan tawanan itu dibunuh kerana dengan melafazkan dua kalimah Syahadah yang berkenaan orang itu sudah dianggap sebagai orang Islam."

Dr. Mahathir berpendapat bahawa pengukuhan bangsa Melayu tidak dapat diasingkan daripada pengukuhan Islam itu sendiri, kerana Islam adalah unsur terpenting yang berada dalam diri bangsa Melayu. Allah menjadikan manusia ini dalam keadaan pelbagai bangsa.

Setiap bangsa mempunyai sempadan negeri masing-masing. Namun demikian beliau tidak dapat menerima konsep kebangsaan yang membawa erti asabiah yang dilarang dan dicela oleh agama. Tetapi kebangsaan yang dimaksudkan ialah pengukuhan yang bermula Islam agama ilmu pengetahuan.

Bagaimana untuk meningkatkan ilmu pengetahuan umat Islam? Islam agama penyatuan dan perpaduan. Bagaimana untuk meningkat penyatuan umat Islam? Islam agama menjamin kemakmuran, keamanan dan kebahagiaan, bagaimana ia dapat memastikan itu semua?

Hari ini umat Islam di mana-mana saja menumpang kasih kepada bangsa-bangsa lain. Mereka bergantung kepada kuasa-kuasa besar dalam serba bidang kehidupan. Mereka pengecut dan penakut dalam menghadapi arus semasa. Berlakunya demikian adalah kerana mereka lemah dan naif. Kelemahan mereka seperti kata Dr. Mahathir adalah kerana mereka tidak menurut ajaran Islam yang sebenar, iaitu ajaran yang tegak di atas fitrah yang sesuai pada setiap waktu dan setiap tempat.

Mengenai pentafsiran semula ajaran Islam, Dusuki menulis, Dr. Mahathir pernah dituduh oleh Pas sebagai pemimpin sekular, tidak islamik dan sesat. Banyak alasan yang diberi. Tetapi alasan yang paling nyata dan dapat mempengaruhi orang ramai dan sebilangan golongan ulama tradisi ialah dikatakan beliau menyaran ulama-ulama dan cendekiawan Islam mentafsirkan semula ajaran Islam. Kata mereka, "khusus bagi tujuan tafsiran semula itu Dr. Mahathir telah menubuhkan dua buah institusi Islam, iaitu International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)".

Dr. Mahathir ketika melancarkan ISTAC pada 4 Oktober 1991 menegaskan ``Institut ini mesti memeriksa agama Islam sebagaimana yang ada pada hari ini untuk mencari rasional bagi sejumlah besar upacara dan amalan, tafsiran-tafsiran al-Quran, hadis dan sunah yang kesemuanya menjadikan Islam bukan hanya satu kepercayaan, tetapi juga sebagai satu cara hidup, iaitu ad-din. Institut ini mesti bersedia untuk menganalisis dan menghujah dan mencari sebab-sebab bukan untuk dua kalimah Syahadah, tetapi untuk amalan, upacara dan nilai-nilai menjadikan Islam satu cara hidup...

Ketika melancarkan IKIM pada 3 Julai 1992 beliau menyarankan ``Saya berharap Institut Kefahaman Islam ini akan memainkan peranan utama dalam usaha memulihkan semula keagungan Islam, umat Islam dan negara Islam. Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru dan melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya. Para ilmuan yang akan menyelidik bidang-bidang tertentu di institut ini perlu mempunyai fikiran terbuka dan berani menyoal pandangan-pandangan yang orthodox. Yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran Nabi Muhammad dan dengan itu boleh diulas dan diselidik serta digugurkan jika didapati bercanggah dengan ajaran al-Quran dan ajaran nabi besar kita."

Sebenarnya apabila dilihat secara jujur ucapan-ucapan tersebut maka ternyata ia tidak dapat memberi erti sebagaimana tuduhan yang dilemparkan, kata Dusuki.

Bahkan ucapan itu menjawab segala tuduhan yang berkenaan. Hari ini sudah melebihi 1,400 tahun jarak perjalanan Islam sejak kelahiran dan penyebarannya di Semenanjung Arab dahulu. Hari ini sudah tidak ada negara atas dunia ini tidak ada umat Islam sama ada bersifat majoriti atau minoriti. Malangnya mereka mundur dan terkebelakang, hina dan lemah, miskin dan jahil, sedangkan Islam yang mereka anuti dan yakini adalah agama benar daripada Allah

Menyedari hakikat inilah maka Dr. Mahathir menyeru ulama-ulama dan cendekiawan Islam supaya mentafsir semula ajaran Islam dengan cara melihat nas-nas al-Quran dan hadis yang berhubung dengan pentadbiran hal ehwal keduniaan ini.

Beliau mengambil iktibar daripada kejayaan pemimpin-pemimpin dan negara Islam sebelum ini adalah kerana ulama-ulama mereka pada waktu itu berjaya menyesuaikan ajaran Islam dengan tuntutan kenyataan cara hidup manusia pada waktu itu.

Dr. Mahathir kata Dusuki melihat bahawa kebanyakan masalah yang timbul dan muncul sekarang ini tidak mempunyai jawapan lengkap dalam kitab fikah lama, kerana setiap masa yang berlalu di tempat yang berbeza dengan berbagai-bagai fenomenanya mempunyai masalah dan realiti yang berbeza antara satu dengan lain. Banyak masalah yang muncul pada waktu terakhir ini tidak dikenali oleh ulama dan pemimpin terdahulu. Bahkan mungkin tidak terlintas langsung dalam fikiran mereka tentang perkara-perkara yang berlaku hari ini.

Perubahan yang berlaku sekarang ini amat mengagumkan, kerana ia didukung oleh kemajuan ilmu moden dengan segala kejutannya, perubahan industri, perkembangan teknologi dan komunikasi sejagat yang menjadikan dunia ini sebagai sebuah kampung kecil yang tidak bersempadan, kata Dusuki.

Bagi Dr. Mahathir bahawa antara faktor kemunduran dan kelemahan umat Islam adalah kerana pemimpin-pemimpin dan ulama mereka terus menerus dirantai dan dibelenggu oleh sikap jumud dan beku dan tidak mempedulikan perkembangan dan perubahan yang ada di sekeliling. Mereka gagal untuk mendapatkan pandangan Islam terhadap perubahan yang berlaku. Mereka tidak berani keluar daripada rangkaian hukum hasil ijtihad ulama silam yang berasaskan kepada persekitaran mereka pada waktu itu. Dr. Mahathir hanya meminta ulama supaya mengubahsuai hukum-hukum berhubung dengan pentadbiran soal-soal keduniaan ini selaras dengan kemajuan ilmu pengetahuan semasa dan pengubahsuaian ini adalah merupakan amalan ijtihad yang perlu dilakukan.

Lebih-lebih lagi asas-asas dan cara pelaksanaannya telah pun disusun dengan baik oleh ulama-ulama sebelum ini. Kegagalan pengubahsuaian ini semacam menafikan bahawa agama Islam adalah agama yang syumul yang abadi syariatnya.